

Rujukan: UKM(T).PDF.100-1/3/1JLD.4
Tarikh : // November 2025

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 17/2025

**SEMUA WARGA
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PERNYATAAN AWAM OLEH PEGAWAI UNIVERSITI AWAM DI BAWAH PERATURAN 18
AKTA BADAN-BADAN BERKANUN (TATATERTIB DAN SURCAJ) 2000 [AKTA 605]**

Dengan hormatnya izinkan saya merujuk perkara di atas.

2. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bil. 5/2025 bertarikh 30 September 2025 telah meluluskan pemakaian Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi Bilangan 1 Tahun 2025 bertarikh 1 Ogos 2025 mengenai Pernyataan Awam Oleh Pegawai Universiti Awam Di Bawah Peraturan 18 Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 [Akta 605].

3. Untuk perhatian YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, YB Menteri Pendidikan Tinggi telah bersetuju untuk memberi kebenaran secara am kepada semua staf akademik (Pensyarah Universiti, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian dan Pensyarah Farmasi) di Universiti Awam untuk membuat pernyataan awam yang diperincikan melalui surat pekeliling ini dengan menyeragamkan batas-batas pernyataan awam yang boleh dibuat oleh staf akademik di UA bagi perkara-perkara di bawah Peraturan 18 (2) Jadual Kedua, Akta 605. Kebenaran secara am yang diberikan adalah seperti tujuan berikut:

- i. menyampaikan hasil penyelidikan kepada umum dalam bidang kepakaran untuk dimanfaatkan demi kemakmuran masyarakat dan negara;
- ii. membincangkan isu-isu semasa yang berkait secara langsung dengan bidang kepakaran di mana-mana platform yang bersesuaian;
- iii. menyatakan pandangan dan ulasan kepada mana-mana pihak terhad kepada bidang kepakaran masing-masing sahaja; dan
- iv. memberikan ulasan secara adil dan profesional berhubung dasar-dasar Kerajaan termasuk mengenai Perlembagaan Persekutuan dengan berlandaskan hujah akademik.

...2/-



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pendaftar

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my

4. Kebenaran yang diberikan ini adalah **tidak meliputi** pernyataan yang berkaitan dengan perkara-perkara berikut:

- i. maklumat yang diklasifikasikan sebagai maklumat terperingkat yang dilindungi di bawah undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa;
- ii. bersifat peribadi dan mendatangkan kemudaran kepada Universiti, Kerajaan, negara dan masyarakat;
- iii. berbentuk hasutan, fitnah atau menyentuh sensitiviti agama, perkauman dan keselamatan negara; dan
- iv. bertentangan dengan dasar semasa Universiti atau Kerajaan tanpa asas dan hujah akademik yang kukuh.

5. Sebarang ketidakpatuhan terhadap skop dan syarat yang dinyatakan boleh menyebabkan tindakan tatatertib diambil berdasarkan Akta 605. Pemakaian surat pekeliling ini adalah berkuat kuasa pada 30 September 2025 dan Pekeliling Jabatan Pendaftar Bil. 18/2024 bertarikh 8 Oktober 2024 berkaitan Pemakluman Larangan Membuat Pernyataan Awam Termasuk di Media Sosial adalah **dibatalkan**.

6. Bersama-sama ini, dilampirkan Surat Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi Bilangan 1 Tahun 2025 bertarikh 1 Ogos 2025 mengenai Pernyataan Awam Oleh Pegawai Universiti Awam Di Bawah Peraturan 18 Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib Dan Surcaj) 2000 [Akta 605] berkenaan untuk perhatian dan rujukan YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan. Sebarang pertanyaan lanjut, YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi

BIL.	NAMA/JAWATAN/JABATAN	ALAMAT E-MEL	NO. TELEFON
JABATAN PENDAFTAR			
1.	Encik Mohd Azmi Kasim Ketua Bahagian Pentadbiran & Kemudahan Jabatan Pendaftar	kbpk@ukm.edu.my	03-8921 5075

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof. Ulung/Prof./Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"ILMU, MUTU DAN BUDI"

Yang benar,



HAJI ZANUDIN MOHD DAUD
Pendaftar

...3/-



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pendaftar

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my

- s.k.
- Naib Canselor
 - Timbalan-timbalan Naib Canselor
 - Bendahari
 - Ketua Pustakawan
 - Penasihat Undang-Undang
 - Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz
 - Pengarah, Hospital Tunku Ampuan Besar Tuanku Aishah Rohani
 - Hospital Pakar Kanak-kanak UKM



PEJABAT PENDAFTAR, JABATAN PENDAFTAR
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 4888 E-mel: pdfar@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pendaftar

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my